

05 DEC 1998

Najib-Soros

SOROS TIADA HAK TUNTUT PM LETAK JAWATAN, KATA NAJIB

KLANG, 5 Dis (Bernama) -- Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini berkata spekulator matawang George Soros tidak mempunyai hak untuk meminta Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meletak jawatan kerana beliau dipilih secara demokrasi melalui pilihan raya.

Beliau berkata kenyataan Soros semalam adalah biadap dan tidak menghormati keputusan rakyat, yang memilih Dr Mahathir untuk memimpin negara ini.

"Kita tidak dapat terima bahawa orang luar, yang bertanggungjawab kepada kegawatan ekonomi negara adalah orang yang sama meletakkan kesalahan (mengenai kegawatan ekonomi) ke atas pemimpin kita," katanya dalam sidang berita selepas menghadiri majlis silaturahmi antara pemimpin masyarakat dengan masyarakat pendidik kawasan parlimen Klang dan Kapar di Dewan Hamzah, di sini pagi ini.

Najib yang juga Menteri Pendidikan berkata Soros adalah orang yang mengambil keuntungan, dengan menekan nilai matawang sesebuah negara sehingga negara itu menjadi miskin.

Semalam, Soros ketika berucap di Universiti Johns Hopkins berkata rakyat Malaysia harus menentang Dr Mahathir kerana dasar-dasarnya bertujuan mengekalkan kedudukannya dan memanfaatkan sekutu-sekutu politiknya.

Najib berkata kenyataan Soros itu tidak dapat diterima, dan ia sebaliknya mengukuhkan semangat rakyat untuk menolak campur tangan asing di negara ini.

Beliau berkata Malaysia telah mengambil pelbagai langkah untuk membawa negara ini keluar dari masalah kegawatan ekonomi, dan inilah yang tidak disenangi oleh para spekulator.

Menurutnya para spekulator sebenarnya tidak mahu melihat Malaysia muncul sebagai negara contoh yang berjaya keluar dari kegawatan ekonomi.

-- BERNAMA

AZH RI